

# 42 SYUKUR TERIMA BIASISWA

Oleh Nadzim Ahmad  
Jamalludin  
naj@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Penerima basiswa Kumpulan Golden Hope yang melanjutkan pelajaran di beberapa institusi pengajian tinggi dalam negara berazam mencapai keputusan cemerlang dalam bidang pengajian masing-masing.

Sambil bersyukur dan berterima kasih dengan pemberian basiswa itu, mereka sependapat hanya melalui cara itu mereka dapat menyatakan perasaan menghargai sumbangan yang diberi.

Seorang penerima basiswa, Chong Cherk Wei, 20, dari Masjid Tanah, Melaka berkata beliau sangat terhutang budi dengan Kumpulan Golden Hope yang sanggup membiayai pengajiannya tiga tahun dalam jurusan Sains Komputer di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Anak sulung dari empat beradik itu bertekad mencapai keputusan cemerlang dalam pengajiannya sekali gus menjadi contoh kepada tiga adiknya.

“Sebagai anak sulung, saya mempunyai tanggungjawab besar yang dipikul dan perlu menjadi contoh kepada adik yang lain. Lagipun selama ini bapa saya banyak berkorban untuk kami sekeluarga.

“Sekurang-kurangnya pembelian basiswa ini dapat meringankan beban yang ditanggung bapa saya,” katanya yang juga anak kepada seorang kakitangan Golden Hope.

Beliau berkata demikian keti-

ka ditemui selepas menerima basiswa daripada Kumpulan Golden Hope bersama 41 yang lain dalam satu majlis di sini, petang semalam.

Semua pelajar terbabit sedang melanjutkan pelajaran masing-masing sama ada di peringkat sijil, diploma atau ijazah. Dari pada 42 penerima basiswa, 20 orang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah, diploma (13) dan sembilan orang di peringkat sijil.

Majlis penyampaian basiswa itu disempurnakan Ahli Lembaga Pengarah merangkap Pengurus Jawatankuasa Basiswa Golden Hope Plantations Berhad (GHope), Tan Sri Lamin Mohd Yunus. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif GHope, Datuk Sabri Ahmad.

Seorang lagi penerima basiswa, Rus Shahiza Muhamad Idrus, 19, dari Ipoh, Perak berkata, beliau pada mulanya tidak menyangka akan terpilih sebagai seorang daripada penerima basiswa berkenaan.

“Ketika menghadiri sesi temu duga bagi menentukan pelajar yang benar-benar layak menerima basiswa, saya tidak begitu yakin akan mendapatnya kerana ramai yang memohon.

“Bagaimanapun, selepas dimaklumkan saya layak menerima basiswa itu, saya benar-benar gembira dan bersyukur. Sudah tentu basiswa ini akan menaikkan semangat saya untuk belajar dengan lebih tekun,” katanya yang sedang mengikuti Kursus Kajian Perniagaan peringkat sijil selama dua tahun di Politeknik Ungku Omar, Ipoh.

# Penerima berazam capai keputusan cemerlang

**BERTUAH...**Lamin (dua dari kiri) dan Sabri bergambar bersama sebahagian penerima biasiswa Kumpulan Golden Hope. — Gambar ZAMAN HURI ISA



Golden Hope

**GOLDEN HOPE GROUP SCHOLARSHIP  
SCHEME WORTH RM480,000.00**